

# 59 sertai Program Kembara Merdeka 2019 anjuran PPMKS

UB 5.9.2019 14

SERAMAI 59 peserta terdiri daripada ahli Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah (PPMKS), Kelab Rakan Pustaka Politeknik KK dan Kelab Rakan Pustaka (KRP) UMS menyertai Program Kembara Merdeka 2019 di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut.

Program itu dianjurkan PPMKS dengan kerjasama Kelab Rakan Pustaka Politeknik Kota Kinabalu, Kelab Rakan Pustaka Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Negeri Sabah (PNS), Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Yayasan Sabah (YS) dan University College Sabah Foundation (UCSF).

Program ini melibatkan penumpang di dalam kereta api secara rawak untuk salah satu aktivitinya iaitu Kuiz Kemerdekaan yang dijalankan sepanjang perjalanan dari stesen kereta api Tanjung Aru hingga ke stesen kereta api Membakut.

Sebaik tiba, kesemua berarak ke Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut bersama 50 ahli Kelab Pemilik Basikal Retro Membakut (KROM) dan ADUN Membakut Datuk Mohd Arifin Arif, yang merasmikan program ini.

Program pada 24 dan 25 Ogos di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut itu disertai



**BERSAMA YB:** Bersama ADUN Membakut Datuk Mohd Arifin Arif selepas perasmian Program Kembara Merdeka 2019. **BERSAMA YB:** Bersama ADUN Membakut Datuk Mohd Arifin Arif selepas perasmian Program Kembara Merdeka 2019.

lebih 100 murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah sekitar daerah Membakut.

Objektif utama program ini adalah bagi memupuk semangat patriotisme dalam masyarakat berbilang kaum.

Di samping itu, lapan aktiviti 'Kempen Galakan Membaca' bersama pelajar terutamanya SMK Membakut dijalankan untuk mengasah bakat pelajar sekitar Membakut.

Antaranya, aktiviti mewarna,

menambah ilmu pengetahuan dalam Bahasa Inggeris iaitu 'Spelling Bee' dan Pertandingan Membaca serta belajar menjaga alam sekitar melalui inovasi mereka menggunakan botol plastik.

Kesemua aktiviti berkenaan dijalankan serentak oleh mahasiswa KRPPOLIKK, KRPUMS dan ahli PPMKS di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut.

Dalam ucapan perasmiannya, Mohd Arifin menyarankan program

diteruskan agar semangat patriotisme ini diasah dari kecil dan tidak hilang rasa cinta kepada negara.

"Dalam pada masa yang sama, sebagai bentuk berterima kasih kepada pejuang-pejuang atas pengorbanan mereka untuk mencapai kemerdekaan Malaysia," katanya.

Pengerusi Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah, Dg Salwah Pg Abd Razak turut berharap agar lebih ramai lagi kolaborasi antara kelab-kelab pustaka seperti KRP UMS dalam aktiviti-aktiviti kemerdekaan tahunan ini untuk masa hadapan nanti.

Perpustakaan SMK Membakut turut dilawati KRP POLIKK, KRP UMS dan PPMKS yang turut menyumbang 100 buku kepada Perpustakaan SMK Membakut oleh Mentor KRP UMS Noor Aini Bohari, wakil PPMKS Kamil.

Buku-buku ini juga projek sumbang buku KRP UMS melalui projek 'Books With Love' kepada perpustakaan dan tempat pedalam yang memerlukan.



**BERSAMA PESERTA:** Kelab Rakan Pustaka UMS bersama kemua ahli Persatuan Pustakawan Kumpulan Sabah (PPMKS), Kelab Rakan Pustaka Politeknik KK di stesen kereta api Tg. Aru.



**AHLI KELAB:** Ahli Kelab Pemilik Basikal Retro Membakut (KROM) bersedia di hadapan Stesen Keretapi Membakut untuk perarakan bersama ke Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Membakut.



**SUMBANGANBUKU:** Simbolik penyerahan buku sumbang projek 'Books With Love' daripada Mentor KRP UMS Noor Aini Bohari (kanan) kepada wakil guru pustakawan.